

27 AUG 2003

Syed Hamid-OIC

DR SITI HASMAH KETUAI PERBINCANGAN ISTERI PEMIMPIN OIC

PUTRAJAYA, 27 Ogos (Bernama) -- Satu perbincangan tidak formal antara isteri pemimpin-pemimpin Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam akan diadakan buat pertama kalinya pada sidang kemuncak OIC ke-10 di sini Oktober ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia berharap inisiatif itu akan mendapat sambutan memandangkan bahawa sebelum ini, wanita tidak pernah hadir pada mesyuarat OIC.

"Mungkin mereka boleh rumuskan sesuatu yang melibatkan persoalan kedudukan wanita di dalam konteks negara-negara Islam hari ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan laman web rasmi persidangan OIC oleh OICnetworks Sdn Bhd di Wisma Putra.

Syed Hamid berkata perbincangan berkenaan akan diketuai oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau juga berkata sembilan ketua kerajaan atau ketua negara telah mengesahkan akan menghadiri persidangan di sini.

"Yang jelas ialah semua negara akan menghadiri persidangan OIC ini tetapi di peringkat mana mereka akan diwakili, sekarang kita kumpul maklumat," katanya.

Syed Hamid juga berkata, Malaysia berpendapat OIC perlu disusun semula agar ia "kembali subur".

Katanya Malaysia berharap dapat menyumbangkan sesuatu yang positif dalam mencapai penyatuan dan kerjasama antara anggota OIC.

"Kita juga mahu jadikan persidangan OIC kali ini bukan hanya membincangkan soal politik tetapi soal-soal kerjasama perdagangan dan ekonomi," katanya.

-- BERNAMA

RIZ MAI